

**PEKELILING
PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BIL. 3/2003**

**KADAR BAYARAN DEPOSIT BAGI
PERMOHONAN MILIK TANAH**

1. Pekeliling ini dikeluarkan ialah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berhubung dengan pengenaan kadar baru bagi bayaran deposit permohonan milik tanah.
2. Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 13/2003 yang bersidang pada 2hb Julai 2003 semasa menimbang kertas Bil. 13/734/2003(66) berhubung dengan cadangan kadar bayaran deposit bagi permohonan milik tanah telah bersetuju agar kadar baru dikenakan bagi deposit permohonan milik tanah.
3. Kadar baru bagi bayaran deposit bagi permohonan milik tanah daripada individu atau orang perseorangan ialah 50 peratus sehingga 100 peratus dengan kadar minima 50 peratus daripada jumlah anggaran premium yang dikenakan.
4. Mana-mana permohonan milik tanah daripada individu atau orang perseorangan yang membayar deposit 100 peratus daripada jumlah anggaran premium yang dikenakan akan diberi keutamaan untuk diproses bagi diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil. 8/1998 dan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil.5/2002 dengan ini dibatalkan.

**(ABDUL HALIM BIN HJ. AHMAD)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN**

Kepada :

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

Salinan kepada:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YBM. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha , Kerajaan Tempatan.
9. FF.PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

Bertarikh :

Fail : PTG.KN 16/2/6 (3)